

## Pemuda mengaku miliki pistol tiruan didenda RM2,500

**KUCHING:** Seorang pemuda berusia 22 tahun dijatuhi hukuman denda RM2,500 atau lima bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini semalam selepas mengaku bersalah memiliki sepucuk pistol tiruan.

Muhammad Nazreen Ikhmal Umar membuat pengakuan tersebut di hadapan Majistret Ling Hui Chuan sebaik didakwa mengikut Seksyen 36(1) Akta Senjata 1960 dan boleh dihukum di bawah Akta sama.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara maksimum setahun atau denda maksimum RM5,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa melakukan kesalahan tersebut di sebuah inap desa di Jalan Stakan, Kota Sentosa di sini sekitar jam 11.45 pagi pada 31 Disember 2024.

Fakta kes mendedahkan sepasukan polis membuat serbuan dan pemeriksaan di tempat tertuduh menginap pada hari kejadian kerana dia disyaki memiliki pistol.

Hasil pemeriksaan kemudian membawa kepada beberapa barang rampasan, antara lainnya sepucuk pistol tiruan, seunit kelopak magazine, satu bekas peluru dan beberapa telefon pintar.

Susulan itu, polis menangkap tertuduh untuk tindakan

selanjutnya.

Hasil siasatan mendapati tertuduh menunjukkan sendiri keberadaan pistol terbabit kepada polis, yang diletakkannya di atas meja di dalam bilik tersebut dan hanya tertuduh mengetahui keberadaan senjata berkenaan.

Malah, senjata itu telah disahkan sebagai pistol tiruan oleh Bahagian Persenjataan Jabatan Logistik dan Teknologi Ibu Pejabat Kontinjen Sarawak pada 2 Januari 2025.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.